SARAWAK

Sejarah penggunaan setem di Sarawak bermula sejak tahun 1859 dengan setem provisional India. Sedekad kemudian, setem definitif pertama telah dikeluarkan. Pada tahun 1869 hingga tahun 1941, siri setem dengan gambar Rajah-rajah dari Dinasti Brooke telah dikeluarkan. Setem pertama yang memaparkan potret James Brooke dengan setiap sudutnya mempunyai huruf 'JBRS' (singkatan kepada James Brooke, Rajah Sarawak). Potret Charles Brooke sebagai Rajah Sarawak Kedua telah menghiasi setem-setem definitif daripada tahun 1871 hingga tahun 1917. Rajah Ketiga iaitu Charles Vyner Brooke telah diabadikan pada setem terbitan tahun 1918 hingga tahun 1941. Sarawak merupakan negeri perlindungan Inggeris sejak tahun 1888. Bagi perkhidmatan pos, Sarawak telah menyertai Universal Postal Union (UPU) pada tahun 1897 dan penghantaran surat tidak lagi hanya terhad ke Singapura.

In Sarawak, stamps of British India were used from 1859. In 1869, the first stamps were issued. In the period from 1869 to 1941, series of stamps with the image of the Rajahs of the Brooke dynasty were issued. On the 1869 stamps, in the corners are the letters "JBRS" (an abbreviation of "James Brooke, Rajah of Sarawak"). Charles Brooke was depicted on stamps issued from 1871 to 1917. The last Rajah on the issues of 1918-1941 was Charles Vyner Brooke. Initially, before Sarawak was admitted to the Universal Postal Union in 1897, its stamps were valid only for delivery to Singapore, where additional stamps were affixed for further shipping.

.Pasca pendudukan Jepun pada tahun 1941, setem-setem Sarawak telah dicetak tindih oleh Jepun dan dua tahun seterusnya, dua setem keluaran Jepun telah dikeluarkan di seluruh Sarawak dan Kalimantan Utara. Pada tahun 1945, Sarawak telah bebas dan diletakkan di bawah Pentadbiran Tentera British (BMA). Penggantian kuasa ini memperlihat setem dengan cetakan tindih 'BMA' mula digunakan di pejabat-pejabat pos Brunei, Labuan, Kalimantan Utara dan Sarawak. Pada tahun 1946, Sarawak telah mengeluarkan setem peringatan ulang tahun ke-100 pemerintahan Dinasti Brooke dan pemerintahan Sarawak telah diserahkan kepada British dengan status sebagai Jajahan Koloni Mahkota. Pada tahun 1947, setem Sarawak telah dicetak tindih dengan monogram kerajaan Inggeris. Dalam tempoh 1950-an, serangkaian setem-setem definitif Sarawak mula menampilkan motif-motif piktorial tempatan.

Sarawak was made a British protectorate in 1888. After the Japanese occupation in 1941, stamps were overprinted by the Japanese forces. In 1943, two stamps of Japanese design were issued for use throughout Sarawak and North Borneo. After liberation in 1945, Sarawak came under British military administration, during which stamps were overprinted "BMA" in 1945 and used in the post offices of Brunei, Labuan, North Borneo and Sarawak. A set of commemorative stamps was issued in 1946 to mark the 100th anniversary of the Brooke dynasty. In the same year, Sarawak was ceded to Britain as a Crown Colony. In 1947, stamps of Sarawak were overprinted with the British royal monogram. In 1950s, a series of definitive stamps showing local images started.



Setem pos definitif Sarawak terakhir sebelum pra-Malaysia dengan potret Ratu Elizabeth II, 1955-1957

Portrait of Charles Brooke as the Second Rajah of Sarawak on definitive stamps issued from 1888 to 1897

Garis Masa Perkembangan Filateli di Sarawak, 1869-1957
Philatelic Timeline of Sarawak

Tarikh/Tahun Date/years	**Deskripsi** Decription
1 Mac 1869 1869 March ,1	Setem definitif pertama dengan potret Sir James Brooke *First issue with Portrait of Sir James Brooke*
1888	Sarawak berada di bawah perlindungan British *Sarawak came under British protection*.
17 Disember 1941 *1941 Dec, 17*	*Jepun mula menduduki Sarawak* *Japanese occupied Sarawak*
1 November 1945 1945 Nov, 1	Sarawak diserahkan di bawah Pentadbiran Tentera British *Came under British Military Administration.*
17 Disember 1945 1945 Dec, 17	Sarawak mula menggunakan setem tahun 1934-1941 dengan cetakan lebih 'BMA' *Issue of 'BMA' overprints on stamps of 1934 – 41*
1 Julai 1946 1946 July, 1	Sarawak diserahkan kepada British sebagai Jajahan Koloni Mahkota *Ceded to Britain as a Crown Colony.*
18 Mei 1946 1946 May, 17	Pengeluaran setem peringatan 100 tahun Pemerintahan Dinasti Brooke *Centenary issue – 4 values.*
25 Oktober 1948 1948 Oct,25	Setem khas Ulang Tahun Jubli Perak Perkahwinan Raja George Keenam *Royal Silver Wedding of King George VI issue.*
19 Oktober 1949 1949 Oct, 19	Setem khas Ulang Tahun ke-75 Universal Postal Union *75th Anniversary of the Universal Postal Union.*
3 Januari 1950 1950 Jan,3	Setem definitif dengan gambar potret Raja George Keenam *Definitive issue bearing Portrait of King George VI.*
2 Jun 1953 1953 June, 2	Setem peringatan Pertabalan Ratu Elizabeth Kedua denominasi 10 sen *Coronation of Queen Elizabeth II – 10c commemorative stamp*
1 Jun 1955 1955 June, 1	Setem definitif kebangsaan dengan potret Raja George Keenam *Definitives with Portrait of King George VI.*
16 September 1963 1963 Sept,16	Sarawak telah bergabung dengan Persekutuan Malaysia *Sarawak joined the Federation of Malaysia*



Potret Charles Brooke sebagai Rajah Sarawak Kedua pada setem definitif keluaran tahun 1888 hingga tahun 1897

Portrait of Charles Brooke as the Second Rajah of Sarawak on definitive stamps issued from 1888 to 1897

